

## **BAB 9**

### **KESIMPULAN**

#### **9.0 PENDAHULUAN**

Kajian ini pada keseluruhannya telah mengenal pasti terjemahan kata kerja yang terdapat dalam sari kata bahasa Melayu dan menganalisis variasi kedua-dua kata kerja bahasa sumber dan bahasa sasaran serta strategi terjemahan yang digunakan. Oleh yang demikian, bab yang terakhir ini akan merumuskan hasil dapatan analisis data kajian sari kata bahasa Melayu dalam dua buah filem animasi terpilih sebagai kesimpulan kajian ini. Seterusnya beberapa cadangan mengenai kajian yang berkaitan dengan terjemahan daripada bahasa sumber kepada sari kata bahasa sasaran dinyatakan sebagai perkara dan isu yang perlu dijadikan topik untuk kajian-kajian pada masa akan datang. Memandangkan bidang terjemahan audiovisual adalah suatu bidang kajian baru, khususnya di Malaysia, maka perlu ada penyelidikan susulan yang meluas dan terperinci untuk mendalami dan meningkatkan kualiti terjemahan audiovisual, terutamanya kajian terhadap pendekatan terjemahan sari kata bahasa Melayu.

## 9.1 VARIASI KATA KERJA

Analisis peringkat pertama, telah menunjukkan bahawa jumlah bilangan variasi bahasa Jepun (kapsyen) melebihi jumlah bilangan variasi kata kerja bahasa Melayu (sari kata) dalam kedua-dua filem terpilih iaitu filem *Majo no Takkyubin* dan filem *Umi ga Kikoeru*.

**Jadual 9.1 Rumusan Analisis Variasi Kata Kerja dalam Kedua-dua buah Filem**

<b>Filem</b>	<b>Variasi Kata Kerja Bahasa Jepun</b>	<b>%</b>	<b>variasi kata kerja bahasa Melayu</b>	<b>%</b>
<i>Majo no Takkyubin</i>	556	36.1	184	21.5
<i>Umi ga Kikoeru</i>	547	31.8	205	23.9

Daripada analisis yang telah dijalankan, dapat disimpulkan bahawa:

- I. Kata kerja bahasa Melayu lebih isolatif (terasing) berbanding dengan kata kerja bahasa Jepun kerana jumlah variasinya lebih sedikit jika dibandingkan dengan kata kerja bahasa Jepun. Dalam kajian ini juga, sari kata yang diberikan adalah dalam bentuk bahasa pertuturan iaitu penggunaan kata kerja kebanyakannya dalam bentuk kata dasar. Walau bagaimanapun, jumlah frekuensi penggunaan sesuatu kata kerja bahasa Melayu pula adalah lebih tinggi berbanding dengan jumlah penggunaan kata kerja bahasa Jepun. Keadaan ini berlaku kerana banyak variasi kata kerja bahasa Jepun diberi padanan dengan kata kerja bahasa Melayu yang sama dengan hanya penambahan kata kerja bantu /kata nafi /adverba yang berlainan.

II. Satu perkara lagi yang dapat dilihat daripada analisis ini ialah penggunaan kata kerja dalam kapsyen bahasa Jepun lebih bervariasi dengan kebanyakannya digunakan hanya sekali, iaitu hampir separuh (47% untuk F1 dan 45.4% untuk F2) daripada jumlah variasi kata kerja bahasa Melayu yang digunakan melebihi daripada sekali (lihat Jadual 5.4). Keadaan yang berbeza dilihat pada variasi kata kerja bahasa Jepun kerana lebih separuh (73.4% untuk F1 dan 73.5% untuk F2) daripada jumlah keseluruhannya adalah kata kerja yang digunakan hanya sekali (Jadual 7.3).

Ini bermakna dialog bahasa sumber (BJ) menggunakan lebih banyak bentuk kata kerja berbanding dengan jumlah bentuk kata kerja yang digunakan dalam sari kata (BM). Dengan kata lain, penggunaan kata kerja yang beraneka bentuk dalam dialog bahasa Jepun menggambarkan komunikasi yang mempunyai ciri-ciri interpersonal seperti gaya pertuturan yang sopan, formal dan tidak formal mengikut faktor sosiolinguistik bahasa Jepun. Walaupun sesuatu ayat yang dituturkan adalah ringkas, ciri-ciri komunikasinya yang tinggi menyebabkan penutur dan pendengar dengan mudah saling memahami. Tambahan lagi, bentuk kata kerja yang digunakan masih mengekalkan unsur pragmatik dan sosiolinguistik yang mendalam. Sebaliknya, kata kerja yang digunakan dalam sari kata bahasa Melayu agak ringkas dan kebanyakannya tidak menggambarkan ciri-ciri komunikasi interpersonal dan aspek sosiolinguistik sebagaimana dalam bahasa sumber sama ada dengan penerapan faktor linguistik bahasa Jepun mahupun bahasa Melayu. Justeru itu, mungkin penonton bahasa sasaran boleh mendapatkan kefahaman yang baik, tetapi untuk mendapatkan keberkesanan perasaan yang sama seperti penonton bahasa sumber adalah amat terhad.

III. Analisis korpus kata kerja BM dan BJ dalam kajian ini juga mendapati bahawa kata kerja bahasa Jepun yang mempunyai kekerapan pengulangan tertinggi ialah kata kerja *suru* untuk Filem 1 dan kata kerja *shite* untuk Filem 2. Kata kerja *suru* dan *shite* merupakan kata kerja yang sama tetapi dalam bentuk konjugasi yang berbeza, *suru/shite* bermaksud **membuat/melakukan** merupakan kata kerja yang kerap digunakan dalam bahasa Jepun sama ada melalui percakapan atau penulisan. Kata kerja *suru* tergolong dalam kumpulan kata kerja kumpulan III (rujuk Seksyen 5.4). Penggunaannya adalah dalam pelbagai bentuk konjugasi berdasarkan fungsinya di dalam teks. Selain penggunaan secara bersendirian, ia juga sering digunakan dalam bentuk **kata nama abstrak** + *suru*. Malahan, salah satu fungsi utama kata kerja kumpulan III *suru* adalah untuk menukarkan kata nama abstrak kepada kata kerja. Oleh itu, kata nama *benkyou* dan *sanpo* ditukarkan kepada kata kerja akan menjadi *benkyou suru* dan *sanpo suru* yang masing-masing membawa maksud **belajar** dan **bersiar-siar**.

Sebaliknya, kata kerja dalam sari kata bahasa Melayu yang mempunyai kekerapan penggunaan tertinggi bukanlah padanan kata kerja *suru* atau *shite*, sebaliknya kata kerja **dapat** dan **pergi**. Ini bermakna kata kerja yang paling banyak digunakan dalam dialog bahasa sumber tidak semesti padanannya menjadi kata kerja yang tertinggi penggunaannya dalam sari kata (bahasa sasaran). Malahan, jumlah kekerapan penggunaan kebanyakan kata kerja bahasa sumber tidak sama dengan jumlah kekerapan penggunaan padanannya dalam sari kata bahasa Melayu. Keadaan telah membuktikan bahawa satu kata kerja bahasa sumber tidak dipadankan dengan hanya satu kata kerja bahasa sasaran. Contohnya, kata kerja *tobu* tidak hanya dipadankan dengan kata kerja **terbang**. Ia juga telah dipadankan dengan kata kerja **berangkat** mengikut konteks ayat.

Malahan, terdapat kata kerja-kata kerja yang tidak diterjemahkan seperti kata kerja yang terdapat dalam lirik lagu yang terdapat dalam kedua-dua filem. Lirik lagu daripada runut bunyi kedua-dua filem tidak diterjemahkan walaupun terdapat kapsyen bahasa Jepun. Pada pendapat pengkaji, kemungkinan besar penyari kata merasakan lirik lagu tidak perlu diterjemahkan supaya penonton sasaran akan dapat lebih menghayati lagu tersebut. Sekiranya sari kata diberikan pada lirik lagu, penghayatan penonton pada lagu tersebut akan terganggu kerana sibuk membaca dan memahami sari kata yang diberikan.

Oleh kerana terjemahan dalam konteks kajian ini merupakan penterjemahan audiovisual, semestinya terdapat dua kekangan utama, iaitu ruang dan masa yang terhad. Justeru itu, penterjemahan audiovisual melibatkan strategi-strategi seperti ringkasan, pengguguran dan putus asa. Strategi-strategi yang disebutkan tadi telah menyumbang kepada kekurangan penggunaan kata kerja bahasa Melayu (bahasa sasaran).

Sementara itu, tidak semua kata kerja bahasa Jepun yang diterjemahkan ke bahasa Melayu merupakan kata kerja iaitu terjemahan satu lawan satu. Sebaliknya, terdapat juga padanan kata kerja bahasa Jepun yang terdiri daripada kelas kata yang lain seperti kata nama, kata adjektif dan sebagainya. Sekiranya keadaan ini berlaku, jumlah variasi kata kerja bahasa Melayu juga akan berkurangan.

- IV. Apabila perbandingan dibuat antara bentuk konjugasi dalam bahasa Jepun dan kata kerja terbitan dalam bahasa Melayu, didapati bahawa bentuk konjugasi yang paling banyak digunakan dalam teks sumber daripada kedua-dua filem adalah bentuk kamus, bentuk *ta* dan bentuk *te*. Sementara bentuk kata kerja terbitan yang

paling banyak digunakan dalam sari kata bahasa Melayu ialah kata terbitan yang berakhiran {-kan} iaitu sebanyak 67 kata kerja untuk F1 dan 63 kata kerja untuk F2. Namun begitu, kata kerja sari kata bahasa Melayu lebih banyak digunakan dalam bentuk kata dasar atau kata unggulan.

Dalam bahasa Jepun, bentuk *te* dan bentuk *ta* merupakan bentuk bersambungan yang digunakan untuk menghubungkan ayat bagi menerangkan pelbagai maksud. Bentuk kamus juga dikenali sebagai bentuk *shuushikee* bermaksud bentuk penamat. Bentuk jenis ini digunakan sebagai penamat bagi ayat yang biasa dalam keadaan yang tidak formal (Thaiyyibah dan Kami, 1997). Ini bermakna kata kerja bahasa sumber telah digunakan dalam pertuturan tidak formal. Kebanyakan terjemahannya ialah bentuk kata kerja bahasa Melayu adalah dalam bentuk kata dasar. Ini kerana penterjemahan sari kata banyak dipengaruhi dengan gaya bahasa pertuturan, iaitu susunan ayat yang digunakan adalah ringkas dan mudah difahami.

- V. Hasil perbandingan konjugasi dan kata terbitan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

**Jadual 9.2: Perbandingan Konjugasi BJ dan Kata Terbitan BM**

Bentuk Kojugasi (bahasa Jepun)	Struktur Kata (bahasa Jepun)	Struktur Padanan (bahasa Melayu)
<b>bentuk masu (renyoukei)</b>	<i>V-tai / gatteru</i>	nak + kata dasar (tak formal)
		ingin + menN~kan (formal)
	<i>V (pre-masu) ni ikimasu/kimasu</i>	pergi/datang + kata kerja dasar/terbitan (mengikut fungsi dalam ayat)
	<i>V (pre-masu) + sou</i>	rasa/macam/seperti + kata kerja terbitan (mengikut fungsi dalam ayat).
<b>bentuk kamus (shuushikei)</b>	V bentuk kamus + kata kerja bantu	kata kerja bantu + kata kerja dasar
<b>bentuk te (onbinkei)</b>	<i>V -te</i>	kata kerja dasar / kata kerja bantu + kata kerja dasar / kata kerja terbitan.
	<i>V -te + kudasai</i>	tolong/sila + kata kerja terbitan (~kan)
	<i>V -te + imasu</i>	kata kerja terbitan/ sedang/sudah + kata kerja terbitan
	<i>V -te + mo ii</i>	boleh/ boleh kah + kata kerja dasar
	<i>V -te + oku</i>	akan/dah + kata kerja dasar
	<i>V -te + shimau</i>	kata kerja bantu + kata kerja dasar/ kata kerja terbitan/ kata adjektif.
	<i>V -te + kara</i>	setelah/selepas + kata kerja dasar
	<i>V -te + wa ikenai /dame</i>	tak boleh/jangan + kata kerja dasar.
<b>bentuk ta (onbinkei)</b>	<i>V -ta</i>	dah/telah/pernah + kata kerja dasar
	<i>V -ta + koto ga aru</i>	pernah + kata kerja dasar
	<i>V -ta + hou ga ii</i>	lebih baik + kata kerja dasar
<b>bentuk nai (mizenkei)</b>	<i>V- nai</i>	tidak /tak + kata kerja dasar
<b>bentuk ba (katekei)</b>	<i>V-ba</i>	kalau/sekiranya/ jika + kata kerja dasar/ kata kerja terbitan (~kan, di~kan)
<b>bentuk perintah (meereikei)</b>	V bentuk perintah	kata kerja dasar/ kata kerja terbitan (ber~)
<b>bentuk ou/you (ikookei)</b>	<i>V- ou/you</i>	marilah/ mahukah/ agaknya/ mungkin/ saya akan + kata dasar

Setelah perbandingan dibuat, didapati bahawa kebanyakan konjugasi kata kerja bahasa Jepun yang diterjemahkan kepada bahasa Melayu memerlukan kata kerja bantu/ adverb

/kata nafi di samping padanan kata kerja bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, pengkaji tidak dapat melihat kesetaraan yang jelas antara konjugasi kata kerja bahasa Jepun dan imbuhan kata kerja bahasa Melayu. Hal ini kerana kebanyakan kata kerja yang digunakan dalam sari kata dalam kedua-dua filem animasi ini adalah dalam bentuk kata kerja dasar.

## **9.2 STRATEGI-STRATEGI TERJEMAHAN**

Strategi-strategi terjemahan yang digunakan dalam terjemahan sari kata BM dari kapsyen BJ bagi dua filem animasi Jepun dalam kajian ini adalah seperti berikut:

### **9.2.1 Strategi Pemindahan**

Strategi pemindahan bermakna keseluruhan kata kerja teks sumber dapat diterjemahkan.

Strategi pemindahan dalam kajian ini menggunakan beberapa kaedah seperti berikut:-

- a. padanan satu lawan satu
- b. padanan dengan perkataan sinonimi
- c. padanan dengan kelas perkataan yang berlainan

Hal ini kerana apabila kita memindahkan maklumat daripada satu bahasa ke dalam bahasa lain, yang mesti dikekalkan, ialah makna, dan bukannya bentuk maklumat itu.

Hanya dalam kes-kes terkecuali sahaja, soal bentuk diutamakan misalnya, dalam menterjemah puisi. Dalam tiap-tiap bahasa, peraturan yang menghubungkan antara isi dan bentuk adalah amat rumit, sewenang-wenangnya dan berubah-ubah. Justeru, kadang kala untuk mengekalkan isinya, bentuk perlu disesuaikan mengikut keperluan bahasa sasaran. Sekiranya secara kebetulan kandungan yang sama dapat diterjemahkan ke dalam bentuk-bentuk yang serupa, maka hal itu sangatlah baik. Kalau boleh, bentuk



hendaklah dikekalkan, tetapi biasanya bentuk terpaksa diubah suai demi mengekalkan kandungan.

### 9.2.2 Strategi Generalisasi

Strategi penterjemahan generalisasi yang digunakan dalam kajian ini melibatkan kata kerja bahasa Jepun yang mempunyai variasi penggunaan mengikut faktor sociolinguistik seperti mengikut situasi, hubungan, status sosial dan faktor umur antara penutur dan pendengar. Antara faktor-faktor sociolinguistik yang agak ketara yang dapat dilihat dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Gaya pertuturan sama ada formal atau tidak formal bergantung kepada perhubungan di antara penutur, pendengar dan orang yang menjadi topik perbualan dan situasi sesuatu pertuturan itu berlangsung.
- b. Dalam bahasa Jepun, gaya berbahasa dipengaruhi oleh genus. Ini bermakna gaya berbahasa adalah berbeza antara lelaki dan perempuan. Orang lelaki menggunakan bahasa yang lebih kasar dan tegas berbanding dengan orang perempuan yang menggunakan bahasa yang lembut dan sopan (Kindaichi, 1978, hlm.72). Penambahan partikel-partikel tertentu dalam penggunaan kata kerja membezakan sama ada penuturnya lelaki ataupun perempuan.
- c. Kata kerja yang melibatkan perbuatan ‘memberi’ dan ‘menerima’. Dalam bahasa Jepun terdapat beberapa kata kerja yang membawa makna ‘memberi’ iaitu *ageru*, *kureru*, *yaru* dan *kudasaru*. Sementara kata kerja yang membawa maksud ‘menerima’ adalah *morau* dan *itadaku*. Penggunaannya bergantung kepada hubungan di antara penutur dan pendengar, hubungan antara pemberi dan penerima, hubungan hirarki dan hubungan antara hubungan orang luar (*soto*) dan orang dalam (*uchi*)

Oleh kerana faktor-faktor sociolinguistik tidak begitu ketara dalam bahasa Melayu, maka penyari kata telah menggunakan strategi generalisasi sebagai langkah untuk menyampaikan mesej teks sumber. Penonton mungkin akan memahami jalan cerita dengan sari kata yang diberikan, tetapi penonton mungkin tidak boleh merasai perasaan sebagaimana yang dirasai oleh penonton asal. Misalnya, perasaan menghormati orang yang lebih tinggi taraf sosialnya atau perasaan keintiman antara penutur dan pendengar. Namun demikian, perasaan seperti ini masih boleh dirasai dengan bantuan paparan visual (paparan di skrin), walaupun kemungkinannya amat kecil.

### 9.2.3 Strategi Pemecahan/Pemotongan

Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati bahawa strategi pemecahan digunakan pada terjemahan kata kerja terikat (*hojodoushi*) dan kata kerja majmuk. Strategi pemecahan digunakan apabila sebahagian elemen atau kandungan yang mungkin penting dipecahkan/buang/kurangkan bagi mengimbangi kekangan masa dan ruang atau tiada padanan struktur morfologi yang sama dalam bahasa sasaran.

Terdapat tiga kategori kata kerja yang telah pengkaji bahagikan berdasarkan bentuknya yang menggunakan strategi ini, seperti berikut:

- a. Kata Kerja Terikat I : V-*te* + *iku/kuru*
- b. Kata Kerja Terikat II : V-*te* + *ageru/kureru/morau*
- c. Kata Kerja Majmuk : V *pra-masu* + V

Yang dapat disimpulkan di sini adalah pengkaji mendapati penyari kata telah memecahkan kata kerja-kata kerja dalam kategori di atas, dan hanya menterjemahkan kata kerja yang pertama, sementara makna kata kerja yang kedua telah digugurkan. Walau bagaimanapun, penterjemahan kata kerja ini masih mengambil kira bentuk keseluruhan kata kerja.

#### **9.2.4 Strategi Penambahan**

Dalam konteks kajian ini pengembangan/penambahan dilakukan pada penterjemahan ungkapan kata kerja teks sumber terutamanya yang melibatkan unsur budaya dan linguistik dengan tujuan mendapatkan kesejadian dalam teks sasaran. Terdapat beberapa penambahan yang dilakukan dalam terjemahan ini. Antaranya, adalah seperti berikut:

- a. Penambahan ungkapan terutamanya kepada ungkapan yang mempunyai unsur budaya supaya ia kelihatan lebih semula jadi dengan persekitaran budaya bahasa sasaran.
- b. Penambahan kata ganti nama diri dibuat pada terjemahan sesetengah kata kerja bahasa Jepun bagi menjelaskan lagi maksud sari kata bahasa Melayu akan pelaku pada perbuatan yang dituturkan itu walaupun ganti nama diri tidak dituturkan dalam dialog bahasa sumber.
- c. Penambahan kata kerja dilakukan kepada sesetengah ayat bahasa sasaran, walaupun tiada kata kerja dalam bahasa sumber. Kaedah ini jelas berlaku pada ayat pertuturan dialog bahasa sumber yang tidak lengkap/dihabiskan atau dibiarkan ia tergantung.

#### **9.2.5 Strategi Ringkasan**

Dalam konteks kajian ini, pengkaji mendapati bahawa strategi ringkasan digunakan pada kebanyakan kata kerja terbitan, iaitu kata kerja terbitan ini telah diringkaskan menjadi kata kerja dasar. Oleh kerana kebanyakan sari kata terutamanya di Malaysia lebih menjurus ke arah gaya bahasa pertuturan/lisan, maka kebanyakan kata kerja yang digunakan dalam gaya bahasa lisan adalah berbentuk kata kerja dasar.

Sementara untuk kata kerja pasif pula, sebelum meringkaskannya penyari kata terlebih dahulu menyesuaikan kata kerja pasif ini kepada kata kerja aktif dengan kata kerja awalan{di~} ditukar kepada kata kerja awalan {me~}. Ini kerana penggunaan ragam

pasif adalah pada situasi yang agak formal dan ini membayangkan jarak formaliti antara pihak yang menghasilkan bahasa dengan pihak yang menerimanya. Seterusnya, kata kerja dengan awalan {me~} diringkaskan kepada kata kerja dasar.

### **9.2.6 Strategi Peniruan**

Strategi peniruan digunakan untuk menterjemah kata nama khas dan ungkapan atau perilaku menyapa yang bersifat universal. Dalam konteks kajian ini, beberapa ungkapan kata kerja seperti *ki o tsukete* telah diterjemahkan dengan meniru ungkapan yang dipraktikkan dalam bahasa sasaran apabila mengalami situasi yang sama, iaitu ‘berhati-hati’. Sementara itu, terdapat juga ungkapan kata kerja yang berjaya diterjemahkan tetapi ternyata ungkapan kata kerja ini jarang berlaku dalam masyarakat bahasa sasaran (bahasa Melayu). Ia merupakan amalan biasa dalam masyarakat bahasa sumber (bahasa Jepun). Justeru itu, padanannya haruslah menggunakan bahasa yang mudah difahami dan bersesuaian dengan persekitaran bahasa sasaran sama ada dalam bentuk kata kerja atau frasa kerja dan sebagainya.

### **9.2.7 Strategi Pengguguran**

Strategi pengguguran dalam konteks kajian ini terdiri daripada ujaran-ujaran yang tidak jelas, pantas dan tidak penting. Ujaran-ujaran ini walaupun tidak diterjemahkan, ia tidak akan menjejaskan jalan cerita dan masih boleh difahami oleh penonton. Dengan bantuan paparan visual dapat membantu penonton dalam memahami jalan cerita. Kadang kala terdapat juga kata kerja yang digugurkan atau tidak diterjemahkan kerana perlakuannya yang dapat dilihat secara visual (paparan skrin).

Selain itu, terdapat juga kata kerja yang digugurkan kerana ungkapan atau kandungan sesuatu bahasa sumber itu tidak boleh diterjemahkan. Strategi ini merupakan pilihan

terakhir yang digunakan oleh penterjemah apabila berhadapan dengan unsur-unsur sosio-budaya yang begitu spesifik dalam masyarakat Jepun. Terdapat dua cara yang digunakan oleh penterjemah ketika menggunakan strategi ini. Cara yang pertama adalah dengan mengabaikan unsur-unsur tersebut tanpa diterjemah. Manakala, cara kedua pula adalah dengan menterjemah tanpa mengekalkan unsur makna sebenar yang terdapat dalam bahasa sumber ataupun dalam erti kata yang lain makna sebenar itu dihilangkan.

### **9.2.8 Strategi Terjemahan Bahasa Kiasan**

Kesemua bahasa kiasan yang digunakan dalam dua filem animasi Jepun dalam kajian ini mengambil pendekatan menterjemah maksud bahasa kiasan tersebut tanpa mengekalkan imej atau unsur-unsur kiasan bahasa sumber. Walau bagaimanapun, kegagalan penyari kata dalam memilih perkataan/ungkapan yang sesuai telah mengabaikan mesej bahasa sumber.

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa sebahagian besar strategi terjemahan yang digunakan tidak terdapatnya usaha untuk mengekal atau mengadaptasikan ciri-ciri interpersonal. Hal ini pernah diutarakan oleh House (1981) yang menyatakan bahawa sumber-sumber fiksyen mengandungi ciri-ciri interpersonal seperti faktor sosiolinguistik bahasa sumber kepada bahasa sasaran (sari kata). Ini kerana jika dilihat pada dialog bahasa sumber (kapsyen BJ) terdapatnya dimensi penutur BJ yang menggunakan gaya percakapan yang sopan, formal dan tidak formal mengikut faktor sosiolinguistik BJ pada leksikal dan struktur ayatnya. Walaupun sesuatu ayat yang dituturkan adalah ringkas, ia mempunyai ciri komunikasi yang tinggi serta unsur pragmatik dan sosiolinguistik yang mendalam.

Justeru itu, kemungkinan penonton mendapatkan pemahaman yang baik dan berkesan terhadap perasaan watak sama seperti dialog BJ melalui sari kata BM adalah amat terhad sekali.

### **9.3 MUTU TERJEMAHAN SARI KATA**

Dalam proses terjemahan sari kata BM dalam kajian ini, terdapat beberapa kelemahan yang telah dikenal pasti seperti berikut:

- a) Kelemahan penyari kata dalam memilih kosa kata atau frasa dalam bahasa sasaran yang sesuai yang telah menyebabkan mesej tidak sampai sepenuhnya, malahan turut mengelirukan penonton sasaran. Kadangkala kosa kata yang dipilih itu juga agak janggal.
- b) Istilah yang telah disalahterjemahkan sama sekali boleh mengurangkan kualiti sari kata itu sendiri. Terdapat juga terjemahan yang menggunakan istilah bahasa Inggeris, sedangkan penyari kata sepatutnya menterjemahkannya kepada bahasa Melayu (rujuk Jadual 7.7 dan Jadual 7.8).
- c) Terdapat terjemahan yang dilakukan secara literal tanpa diubah suai mengikut keperluan pembaca sasaran, iaitu sari kata yang berbau terjemahan.
- d) Penyari kata juga seperti tidak menguasai bahasa sasaran dengan baik misalnya, hubungan gramatis sehingga kadang kala menyebabkan struktur teks sasaran menjadi tunggang langgang dan sukar difahami.

- e) Penyari kata juga seperti belum cukup mahir dalam ilmu penterjemahan khususnya ilmu penarikataan yang mempunyai kekangan masa dan ruang. Pengkaji mendapati bahawa penyari kata kadang kala menggunakan ayat yang panjang.
- f) Terdapat proses terjemahan sari kata filem animasi ini yang merupakan terjemahan berganti (*relay translation*). Terjemahan dilakukan pada sari kata bahasa lain yang bukan bahasa sumber. Oleh kerana proses terjemahan sari kata merupakan proses penambahan, pengurangan dan pengubahsuaian teks dengan kekangan masa dan ruang, sudah tentu teks yang menjadi teks sumber itu tidak asli dan sudah jauh menyimpang daripada yang asal.

Namun begitu, masalah-masalah ini mungkin dapat ditangani melalui pemantauan semula terjemahan yang dihasilkan. Penilaian yang kedua kali, biasanya membuahkan hasil yang lebih memuaskan dan sebarang kesilapan dan kecuaiian dapat di atasi dengan mudah. Pemantauan dan penyuntingan daripada segi teks sasaran yang telah dihasilkan juga perlu dijalankan dari segi gaya, laras, penggunaan imbuhan dan yang penting sekali penyusunan ayat dan tatabahasa. Pemantauan ini amat penting dilakukan kerana ia merupakan hasil terakhir yang bakal dipaparkan kepada penonton sasaran.

Tugas sebagai seorang penterjemah/penyari kata sebenarnya memikul satu tanggung jawab yang berat dalam memastikan maklumat yang diproses daripada satu sumber ke sumber yang lain itu dapat mencapai tujuan dan keperluan kedua belah pihak. Tugas sebagai penterjemah juga tidak harus dilihat daripada aspek mengaut keuntungan semata-mata, tetapi tugas itu harus dilaksanakan dengan rasa penuh tanggungjawab, keikhlasan, sabar, cermat dan teliti serta jangan sama sekali memandang remeh, mudah putus asa dan mengambil mudah serta memilih penyelesaian yang singkat bagi amanah yang telah diberikan.

Penterjemah / penyari kata juga sentiasa berusaha menambah kemahiran dalam kedua-dua bahasa (sumber dan sasaran) kerana bahasa itu sentiasa berkembang. Di samping itu ilmu dalam penterjemahan juga harus diperkembangkan kerana ia amat penting.

#### **9.4 IMPLIKASI KAJIAN**

Hasil daripada perbincangan dalam kajian literatur dan dapatan kajian ini beberapa implikasi yang dapat disimpulkan adalah seperti berikut:

##### **a. Implikasi kajian kepada pelajar bahasa Jepun**

Hasil kajian menunjukkan bahawa tiada perkaitan signifikan yang dapat dilihat daripada perbandingan antara konjugasi bahasa Jepun dan imbuhan bahasa Melayu, kerana kedua-duanya mempunyai keistimewaannya tersendiri. Justeru untuk mempelajari bahasa Jepun khasnya kata kerja, tidak sewajarnya pelajar mengambil pendekatan dengan membandingkan antara kedua-duanya. Pelajar perlu memahami dengan jelas tentang kumpulan kata kerja dan bentuk-bentuk konjugasi kata kerja bahasa Jepun, kerana ia memainkan peranan yang amat penting. Pelajar-pelajar bukan sahaja berpeluang mempelajari bahasa Jepun secara formal di bilik-bilik darjah, tetapi juga melalui tontonan filem-filem bahasa Jepun. Namun begitu, apa yang pasti ialah kebanyakan konjugasi kata kerja bahasa Jepun memerlukan penambahan kata kerja bantu/ kata nafi/kata negatif/adverba dan sebagainya apabila ingin menterjemahkannya kepada bahasa Melayu.



### **b. Implikasi kajian kepada tenaga pengajar bahasa Jepun**

Oleh kerana kata kerja bahasa Jepun dan kata kerja bahasa Melayu mempunyai keistimewaannya masing-masing, maka tidak seharusnya pelajar mengambil pendekatan untuk membandingkan antara keduanya sebagai salah satu cara pengajaran. Tenaga pengajar perlu memberikan penekanan terhadap pemahaman kumpulan kata kerja dan bentuk-bentuk konjugasi. Selain memperbanyakkan latihan di dalam bilik darjah, tenaga pengajar juga boleh menayangkan filem-filem animasi sebagai satu daripada alat bantuan mengajar, tetapi perlu diingatkan di sini, agar tenaga pengajar memastikan kualiti sari katanya terlebih dahulu.

### **c. Implikasi kajian kepada penterjemah/ penyari kata**

Selain daripada menambahkan ilmu pengetahuan dalam kedua-dua bahasa sumber dan bahasa sasaran, penterjemah haruslah sentiasa mencari peluang untuk menyertai kursus, seminar atau bengkel mengenai terjemahan khasnya terjemahan sari kata. Dengan cara ini, penterjemah boleh memperoleh ilmu menterjemah yang lebih mendalam yang dapat membantu mereka mendapatkan panduan terkini mengenai konsep makna, laras bahasa dan sebagainya. Tambahan pula, dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa penterjemahan sari kata menunjukkan perbezaan yang begitu ketara sekali jika dibandingkan dengan penterjemahan teks biasa. Penterjemah/penyari kata juga hendaklah melakukan tugas yang diberikan dengan lebih profesional dengan menghasilkan terjemahan yang sebaik mungkin. Penterjemah/penyari kata hendaklah melakukan semakan agar tidak mengabaikan perkara-perkara penting seperti faktor sosiolinguistik. dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran.

**d. Implikasi kajian kepada institusi atau universiti.**

Pihak institusi dan universiti diharap dapat menjadikan dapatan kajian ini sebagai rujukan untuk menyediakan silibus yang lebih kondusif dan bersesuaian dengan konteks sari kata sebenar. Apatah lagi, dengan situasi siri animasi Jepun yang semakin mendapat tempat dalam masyarakat Malaysia. Jelasnya, kajian ini dapat memberi impak kepada industri penyarikataan.

**e. Implikasi kajian kepada pengedar filem**

Pengedar-pengedar filem juga hendaklah mengkaji dan mengatur semula tugas yang diberikan kepada setiap penterjemah. Setiap tugas atau kerja yang diberi, haruslah diselesaikan dalam jangka masa yang telah ditentukan dan bukannya dibuat dalam keadaan tergesa-gesa. Ini menyebabkan penterjemah tidak mempunyai masa untuk menumpukan sepenuh perhatian kepada bahan yang diterjemahkan. Di samping itu, tidak kurang pentingnya ialah pengedar-pengedar filem perlulah memilih penterjemah/penyari kata yang benar-benar layak dan berpengalaman agar sari kata yang dihasilkan kelak lebih berkualiti.

**f. Implikasi kajian kepada pihak berkuasa**

Sebuah badan penterjemah seperti Institut Terjemahan dan Buku Negara (ITBM) haruslah mengeluarkan satu garis panduan perihal sari kata yang dapat dipatuhi oleh pengedar-pengedar filem di negara ini agar kualiti sari kata yang dihasilkan berkualiti. Kementerian yang berkenaan juga hendaklah mempunyai beberapa pakar dalam pelbagai bahasa dan dalam bidang terjemahan untuk rujukan penterjemah sari kata. Sudah tiba masanya, pengedar-pengedar filem ini menjadikan terjemahan sari kata sebagai satu tanggungjawab. Ini bererti sari

kata hendaklah dihasilkan dengan teliti, bukan sekadar sambil lewa serta tidak serius.

## 9.5 CADANGAN UNTUK KAJIAN AKAN DATANG

Terdapat beberapa cadangan untuk pengkaji-pengkaji lain dalam bidang penterjemahan sari kata seperti berikut:

1. Oleh kerana sampel kajian merupakan filem animasi bergenre drama yang menggunakan gaya bahasa tidak formal, jadi sebilangan besar padanan kata kerja BM yang digunakan dalam sari kata adalah dalam bentuk kata kerja dasar. Perkaitan antara konjukasi (BJ) dan padanan BM terutamanya kata kerja BM yang berimbuhan tidak berapa jelas apabila dibandingkan. Justeru itu, pengkaji mencadangkan sampel kajian diambil daripada teks filem dokumentari, program berita atau program perbincangan iaitu program non-fiksi yang berkemungkinan hasilnya akan lebih signifikan

Walau bagaimanapun, kajian ini telah menunjukkan padanan terjemahan dalam aspek lain seperti aspek sociolinguistik. Aspek sociolinguistik amat penting dalam terjemahan sari kata kerana penekanan terjemahan adalah kepada kesejadian unsur asing (*foreignising*) dalam filem dan kekangan budaya sumber. Pengkaji juga mencadangkan kajian ini dilakukan ke atas kata kerja daripada filem-filem bahasa yang lain selain daripada BJ dan BM. Ini kerana berkemungkinan terdapat persamaan dan perbezaannya yang lain dengan kata kerja bahasa Melayu dan bahasa Jepun.

2. Kajian seperti ini juga boleh dilakukan pada kelas perkataan yang lain seperti kata nama, kata sifat, kata penyambung dan sebagainya.
3. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kerangka Padanan Dinamis oleh Nida (1964) sebagai panduan, kajian ini juga boleh menggunakan kerangka padanan oleh linguist yang lain seperti Vermeer(1984) dan Nord (1997).

## **9.6 PENUTUP**

Dengan adanya kajian seumpama ini diharapkan dapat menarik minat para pengkaji yang lain bagi memperbanyakkan lagi kajian yang berkaitan dengan terjemahan khususnya dalam bidang penarikataan di Malaysia. Diharap dengan meningkatnya kajian tentang bidang penarikataan ini dapat memperbaiki dan mempertingkatkan lagi kualiti serta penghasilan sari kata yang berkesan.

Semoga kajian ini juga dapat memberi panduan kepada para penterjemah yang sebagai landasan bagi memantapkan lagi tugas yang membabitkan penterjemahan. Penekanan juga harus diberi terhadap peranan penterjemah khususnya dalam proses terjemahan sari kata bagi membantu memahami strategi-strategi terjemahan khususnya yang melibatkan unsur-unsur yang berkaitan dengan sosio budaya. Pengkaji berharap agar apa yang telah dibincangkan dan segala cadangan yang telah dikemukakan dapat diterima dan dipraktikkan demi kepentingan para penonton dan kualiti sari kata yang dihasilkan.

Akhir sekali pengkaji turut mengharapkan segala dapatan kajian dapat dijadikan rujukan dalam meningkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun dan seterusnya akan dapat meningkatkan lagi prestasi para pelajar.